



UNIVERSITI
MALAYSIA
PERLIS

SQM PUSAT PENGURUSAN STRATEGI & KUALITI

2022 LAPORAN TAHUNAN

Ilmu | Keikhlasan | Kecemerlangan

PUSAT PENGURUSAN STRATEGI & KUALITI

2022

LAPORAN TAHUNAN

Cetakan Pertama 2023

**® Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (SQM)
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)**

Hak cipta terpelihara, Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (SQM)

Diterbitkan oleh:

Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (SQM)
Aras 3, Canselori Tuanku Syed Sirajuddin
Kampus Alam UniMAP, Pauh Putra,
02600 Arau, Perlis.
Laman web: www.sqm.edu.my
Email: sqm@unimap.edu.my

LAPORAN TAHUNAN 2022

ISI KANDUNGAN

BAB 01	SIDANG EDITOR	5
	MISI & VISI	6
	PERUTUSAN PENGARAH KANAN	7 - 8
	PIAGAM PELANGGAN	9
	LATAR BELAKANG	10
	CARTA ORGANISASI	11 - 15

BAB 02	PERUTUSAN KETUA BAHAGIAN STRATEGI & PENGURUSAN RISIKO	18
	INFO: BAHAGIAN STRATEGI & PENGURUSAN RISIKO	19 - 25

BAB 03	PERUTUSAN KETUA BAHAGIAN KUALITI & AKREDITASI	28
	INFO: BAHAGIAN KUALITI & AKREDITASI	29 - 36

BAB 04	LAPORAN AKTIVITI:	
	• BAHAGIAN STRATEGI & PENGURUSAN RISIKO	39 - 58
	• BAHAGIAN KUALITI & AKREDITASI	60 - 82
	LAPORAN AKTIVITI PENTADBIRAN & KEWANGAN:	
	• LAPORAN AKTIVITI USR	84 - 85
	• LAPORAN KURSUS STAF	86
	• LAPORAN CUTI STAF	87
	• LAPORAN KEWANGAN	88 - 89

BAB 05	MAKLUMAT STAF BAHARU	91
	PENGHARGAAN MANTAN STAF	92



BAB 01

LAPORAN TAHUNAN 2022

SENARAI SIDANG EDITOR

PENAUNG

Prof. Dato' Ts. Dr. Zaliman Sauli

KETUA EDITOR

Prof. Dr. Harshita Aini Haroon

PENOLONG KETUA EDITOR

Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Azwan Iskandar Azmi

Ts. Dr. Tan Chye Lih

EDITOR

Pn. Isma Irini Shafie

Pn. Rozila Romali

En. Rhafizuan Rusli

En. Muhammad Hidham Haris

Pn. Azfa Ahmad

Pn. Azimah Aziz @Azaib

En. Mohamad Hasani Kamis

Pn. Suhana Shaari

PEREKA GRAFIK & FOTOGRAFI

Pn. Isma Irini Shafie

En. Mohamad Hasani Kamis

En. Hasmizul Hashim



VISI & MISI SQM

VISI

Peneraju Pengurusan Strategi dan Kualiti Universiti

MISI

Memacu dan Memimpin Agenda Universiti ke Arah Kecemerlangan

NILAI TERAS

Ilmu | Keikhlasan | Kecemerlangan

DARI MEJA PENGARAH KANAN

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana Pusat Pengurusan Strategi dan Kualiti (SQM) telah dapat melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan kepada Pusat ini sepanjang tahun 2022. Laporan tahunan yang dihasilkan ini bertujuan untuk memperincikan aktiviti dan prestasi SQM bagi tahun 2022 dan juga untuk tujuan rekod serta rujukan masa hadapan.

Dua bahagian di SQM – Bahagian Kualiti dan Akreditasi yang diketuai oleh Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Azwan Iskandar bin Azmi dan Bahagian Strategi & Pengurusan Risiko yang diketuai oleh Ts. Dr. Tan Chye Lih – telah berjaya melunaskan perancangan yang digariskan bagi 2022 berdasarkan skop masing-masing. Kedua-dua skop ini, walaupun berbeza, telah berjaya mengurus beberapa aspek utama teras dalam operasi UniMAP.

Tahun 2022 telah menyaksikan kejayaan UniMAP memantapkan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) melalui perluasan skop pensijilan MS ISO 9001:2015. Selain itu, SQM memastikan bahawa semua urusan akreditasi yang dijadualkan berlangsung pada tahun 2022 dilaksanakan mengikut perancangan. Hal ini penting memandangkan kayu ukur kepada kualiti program-program pengajian di universiti adalah berdasarkan status akreditasi yang diberikan oleh pelbagai badan akreditasi dan badan profesional yang berkaitan.

Pada masa yang sama SQM juga telah melaksanakan beberapa siri penyelarasan dan pengesahan data untuk pelbagai sistem penarafan dan pemeringkatan seperti QS World University Rankings, THE World University Rankings, THE Impact Rankings, pengurusan pencapaian KPI bagi Bajet Berasaskan Outcome (OBB), dan MyMOHES. Selain itu, SQM juga berjaya melaksanakan pelbagai inisiatif penting terutamanya dalam pembangunan pelan strategik dan hala tuju UniMAP 2025 bagi mencapai Misi universiti untuk “melahirkan modal insan kamil yang menyumbang kepada agenda pembangunan dan daya saing industri negara”. Pengurusan risiko universiti, yang menjurus kepada agenda UniMAP 2025 juga telah ditadbir dengan baik melalui daftar pengurusan risiko dan berdasarkan jadual mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko pada pelbagai peringkat.

DARI MEJA PENGARAH KANAN

Pada kesempatan ini, saya mengambil peluang untuk mengucapkan terima kasih atas sumbangan dan idea yang diberikan oleh Puan Noora bt Md Yusoff, Puan Nurul Asyikin bt Fadzil dan Encik Mohd Fazlie bin Yusoff yang telah dipindahkan ke pusat tanggungjawab lain di UniMAP. Selamat datang diucapkan kepada Puan Isma Irini binti Shafie, Encik Rhafizuan bin Rusli dan Encik Mohamad Hasani bin Kamis.

Buat semua kakitangan SQM, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas dedikasi, komitmen dan usaha berterusan tuan-tuan dan puan-puan dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan. Mudah-mudahan segala sumbangan kita beroleh keberkatan dan dihitung sebagai ibadah yang diterima oleh Allah S.W.T.

Akhir kata, saya berharap laporan ini dapat dimanfaatkan oleh semua, dan dapat membantu semua PTj memahami skop dan tanggungjawab di SQM dalam usaha mencemerlangkan UniMAP.

Prof. Dr. Harshita Aini Haroon
Pengarah Kanan
Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (SQM)



PIAGAM PELANGGAN

SQM beriltizam untuk menyediakan perkhidmatan profesional, efektif dan efisien serta peka terhadap keperluan dan kepuasan pelanggan melalui:

1. Menyediakan sistem pengurusan dan pemantauan strategik dan kualiti yang cekap dan berkesan;
2. Memantau kemajuan pelan tindakan strategik dan kualiti peringkat universiti;
3. Menyediakan laporan pencapaian universiti yang berkaitan pengurusan strategik dan kualiti dalam tempoh masa yang ditetapkan;
4. Memastikan penyebaran maklumat berkaitan pencapaian universiti dilakukan dalam tempoh dua (2) hari selepas maklumat diterima;
5. Menjalankan mesyuarat berkaitan pengurusan strategik dan kualiti mengikut jadual yang ditetapkan;
6. Memberi latihan, perundingan dan melaksanakan audit yang berkaitan dengan pengurusan strategik dan kualiti pada peringkat universiti;
7. Melaksanakan semakan prestasi Teras Strategik Universiti setiap suku tahun;
8. Melaksanakan program pengurusan risiko berpandukan ISO 31000 sebagai kerangka asas kepada pengurusan risiko universiti;
9. Menyelaras, meningkatkan dan membudayakan pengurusan kualiti di semua PTj UniMAP mengikut ketetapan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001: 2015;
10. Memantau dan memastikan pematuhan untuk semua program akademik adalah selaras dengan keperluan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), dan/ atau badan akreditasi berkaitan serta ketetapan kualiti dari Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia;

LATAR BELAKANG


SQM bermula sebagai Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti (PUSPEK) yang dibangunkan pada 2009. PUSPEK adalah gabungan dua unit yang telah beroperasi sebelum itu, iaitu Unit Kualiti (ditubuhkan pada 2004) dan Unit Pembangunan Korporat (ditubuhkan pada 2006, dikenali sebagai UNIPEK). Pada April 2020 PUSPEK dijenamakan semula sebagai Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (SQM) selaras dengan penstrukturan semula pusat tanggungjawab di UniMAP.

Fungsi SQM ialah seperti berikut:

- Mengurus, mentadbir, menyelaras dan melaksanakan aktiviti berkaitan dengan perancangan strategi, dan memantau serta melapor pencapaian pelan strategik UniMAP kepada pengurusan tertinggi universiti;
- Mengurus, mentadbir, menyelaras dan melaksanakan aktiviti berkaitan dengan petunjuk prestasi utama yang relevan dengan pelan strategik peringkat nasional, dan berfungsi sebagai rujukan utama universiti berkaitan dengan KPI;
- Mengurus, mentadbir, menyelaras dan melaksanakan aktiviti yang relevan dengan pemantapan kualiti di UniMAP; mengurus, mentadbir, menyelaras dan melaksanakan aktiviti yang relevan dengan pengurusan sistem kualiti (seperti audit kualiti, 5S), terutama dalam usaha untuk memperoleh dan mengekalkan persijilan MS ISO dalam skop yang ditetapkan oleh UniMAP; menawarkan program latihan yang berkaitan dengan sistem pengurusan strategik dan pengurusan kualiti organisasi dalam usaha penjana pendapatan UniMAP;
- Mengurus, mentadbir, menyelaras dan melaksana aktiviti berkaitan dengan akreditasi dan pengiktirafan program pengajian di UniMAP selaras dengan keperluan badan kelayakan tempatan dan/ atau antarabangsa;
- Memastikan program yang ditawarkan mencapai dan memenuhi kriteria dan standard yang ditetapkan oleh badan kelayakan tempatan dan/ atau antarabangsa untuk tujuan pengiktirafan dan akreditasi;
- Melaksanakan tugas/ projek khusus seperti keperluan dan arahan oleh Naib Canselor UniMAP.

CARTA ORGANISASI

CENTRE FOR STRATEGY & QUALITY MANAGEMENT



APPROVED BY :

SENIOR DIRECTOR
DATE : 22 SEPTEMBER 2022

CO/SQM/001/02/2022
UPDATE : 21 SEPTEMBER 2022



EKSEKUTIF SQM



PROF. DR. HARSHITA AINI HAROON
Pengarah Kanan
harshita@unimap.edu.my



PROF. MADYA IR. Ts. DR. AZWAN ISKANDAR AZMI
Ketua Bahagian Kualiti & Akreditasi
azwaniskandar@unimap.edu.my



Ts. DR. TAN CHYE LIH
Ketua Bahagian Strategi & Pengurusan Risiko
chyeLih@unimap.edu.my

BAHAGIAN STRATEGI & PENGURUSAN RISIKO



Ts. DR. TAN CHYE LIH
Ketua Bahagian Strategi & Pengurusan Risiko
chyelih@unimap.edu.my



PN. ISMA IRINI SHAFIE
Pegawai Tadbir
isma@unimap.edu.my

PN. ROZILA ROMALI
Pegawai Tadbir
rozila@unimap.edu.my



PN. AZIMAH AZIZ@AZAIB
Pembantu Tadbir
azimah@unimap.edu.my



BAHAGIAN KUALITI & AKREDITASI

PROF. MADYA Ts. DR. AZWAN ISKANDAR AZMI
Ketua Bahagian Kualiti & Akreditasi
azwaniskandar@unimap.edu.my



EN. MUHAMMAD HIDHAM HARIS
Pegawai Tadbir
hidham@unimap.edu.my



EN. RHAFIZUAN RUSLI
Pegawai Tadbir
rhafizuan@unimap.edu.my



EN. MOHAMAD HASANI KAMIS
Pembantu Tadbir
hasani@unimap.edu.my



PN. SUHANA SHAARI
Pembantu Tadbir
suhanashaari@unimap.edu.my

UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

PROF. DR. HARSHITA AINI HAROON
Pengarah Kanan
harshita@unimap.edu.my



EN. RHAFIZUAN RUSLI
Pegawai Tadbir
rhafizuan@unimap.edu.my



PN. AZFA AHMAD
Setiausaha Pejabat
azfa@unimap.edu.my



PN. SUHANA SHAARI
Pembantu Tadbir
suhanashaari@unimap.edu.my



EN. HASMIZUL HASHIM
Pembantu Am Pejabat
hasmizul@unimap.edu.my





BAB 02

LAPORAN TAHUNAN 2022

BAHAGIAN STRATEGI & PENGURUSAN RISIKO



PERUTUSAN KETUA BAHAGIAN STRATEGI & PENGURUSAN RISIKO

Sepanjang tahun 2021, proses pemantauan dan penambahbaikan Pelan Strategik UniMAP 2025, Fasa II telah berjaya dilaksanakan untuk memastikan semua objektif dan KPI yang ditetapkan untuk merealisasikan misi dan visi UniMAP. Kejayaan melaksanakan pelan strategik ini bergantung kepada solidariti dan semangat - kebersamaan bagi semua pihak, sama ada staf akademik, staf pengurusan dan pentadbiran, staf sokongan, pelajar, industri mahu pun komuniti. Justeru, SQM amat menghargai dedikasi dan kerjasama yang telah diberikan oleh semua pihak. Selain pengurusan Pelan Strategik, Jawatankuasa Penyelarasan Pengurusan Risiko yang telah diwujudkan sejak tahun 2020 telah menjalankan aktiviti pemantauan dan pengemaskinian risiko dan tindakan kawalan secara berkala. Hal ini telah meningkatkan kesedaran seluruh warga UniMAP terhadap sebarang halangan dan cabaran yang mungkin dihadapi semasa melaksanakan inisiatif UniMAP 2025.

SQM telah menyusun strategi dan data keperluan penarafan untuk UniMAP dan berjaya menerima pelbagai pengiktirafan pada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa seperti: QS World University Rankings (QS WUR), Times Higher Education World University Rankings (THE), Clarivate Analytics (CA) dan SETARA Malaysia.

Saya berharap usaha-usaha kerja berpasukan semua warga Bahagian Strategi dan Pengurusan Risiko dapat diteruskan bagi meningkatkan kualiti dan kapabiliti dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Pencapaian cemerlang perlu dikekalkan dan kelemahan perlu diperbaiki untuk memastikan segala amanah yang terpikul di bahu dapat dilaksanakan dengan lebih baik dan berkesan.

Ts. DR. TAN CHYE LIH
Ketua Bahagian Strategi & Pengurusan Risiko



BAHAGIAN STRATEGI DAN PENGURUSAN RISIKO

Bahagian Strategi dan Pengurusan Risiko bermula pada 15 April 2020 di SQM. Sebelum itu, semasa di Pusat Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti (PUSPEK), ianya dikenali sebagai Bahagian Pembangunan Korporat. Bahagian ini memainkan peranan dalam membangunkan kerangka perancangan strategik UniMAP, mengukur prestasi utama (KPI) berserta struktur governans, kaedah pelaksanaan dan pemantauan KPI mengikut kaedah yang bersesuaian.

Bahagian ini juga ditugaskan untuk memantau projek dan inisiatif untuk pencapaian sasaran KPI bagi UniMAP 2025 dan menilai tahap pencapaian yang disasarkan. KPI peringkat kebangsaan yang diwajibkan ke atas Universiti diintegrasikan dengan UniMAP 2025 untuk tujuan pelaksanaan, pemantauan dan pengukuran prestasi.

Bahagian ini juga berperanan untuk mendapatkan data, menganalisis dan membekalkan maklumat kepada Pengurusan Tertinggi Universiti berkaitan prestasi universiti untuk membantu dalam pembuatan keputusan berkaitan perkara-perkara berikut iaitu sistem penarafan dan pemeringkatan tempatan dan global universiti (contohnya Quacquareli Symonds (QS), Times Higher Education (THE) dan Clarivate Analytics (CA) dan pangkalan data peringkat kebangsaan seperti MyMOHES, SETARA dan sebagainya.

Bahagian ini juga perlu memastikan sistem pengurusan risiko berkaitan dengan perancangan strategik universiti dilaksanakan dengan sempurna.

PELAN STRATEGIK UniMAP

SQM memainkan peranan utama dalam pembangunan dan pemantauan pelan strategik UniMAP. Sebagai pusat yang bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pengurusan strategi universiti, SQM memastikan bahawa strategi universiti disebar luaskan kepada semua pemegang taruh UniMAP. SQM juga memantau pembangunan dan pelaksanaan inisiatif yang berkaitan dengan pelan yang ditetapkan, yang dikenali sebagai UniMAP 2025.

SQM memainkan peranan utama dalam memastikan aspirasi yang ditekankan oleh KPT dalam PPPM (PT) 2015-2025 diberi tumpuan dalam strategi korporat UniMAP. Hal ini dilaksanakan melalui kerangka strategi dan inisiatif ke arah memastikan aspirasi tersebut dicapai, selain memenuhi keperluan agenda utama universiti. KPI berkaitan dengan PPPM (PT) diintegrasikan dalam Pelan Strategik UniMAP 2025 untuk memastikan pelaksanaan ke arah pencapaian sasaran berlaku dan untuk memudahkan operasi pemantauan. Pemantauan pelaksanaan inisiatif dan pelan tindakan dilaksanakan secara berterusan manakala pemantauan pencapaian dibuat setiap suku tahun melalui sistem pengurusan prestasi ePIC.

Teras Utama UniMAP 2025 merangkumi Pengukuhan Akademik, Pemeraksanaan Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan, Kesejahteraan Pelajar, Pengantarabangsaan, Libat Sama dan Pembangunan Komuniti, sementara Teras Pemangkin ialah Kecemerlangan Bakat, Pemantapan Infrastruktur dan Kelestarian Kewangan.



PELAN PELAKSANAAN UniMAP 2025

Prestasi, pelaksanaan dan pencapaian UniMAP 2025 dipantau oleh SQM, melalui platform dalam talian <http://epic.unimap.edu.my/>. Sistem ePIC dibangunkan sebagai platform dalam talian yang membantu dalam pengurusan prestasi dan pelan strategik universiti. Sistem tersebut berfungsi sebagai rujukan tunggal untuk mendapatkan maklumat yang relevan berkaitan Objektif Strategik, Petunjuk Prestasi Utama (KPI), sasaran, inisiatif dan aktiviti yang dirancang untuk dilaksanakan bertujuan mencapai sasaran bagi KPI yang ditetapkan. Paparan grafik, diagram interaktif dan carta digunakan untuk memastikan data dan maklumat dapat difahami dengan mudah. Semua warga universiti mempunyai akses kepada ePIC tanpa keperluan sebarang kata laluan. Pengurusan sistem ePIC turut dibantu oleh pegawai khusus dari Pusat Pengurusan dan Pembangunan Digital (DMDC) UniMAP.

Melalui sistem ePIC Versi 2 yang dimulakan pada tahun 2013 (pendaftaran Sijil Hak Cipta CRLY00021677) dan ePIC Versi 3 (pendaftaran Sijil Hak Cipta CRLY00021673), platform ini membolehkan pencapaian semua Teras pada waktu sebenar. UniMAP 2025 ditadbir urus melalui dua jawatankuasa (JK) khusus iaitu JK Teknikal UniMAP 2025 dan JK Pemandu UniMAP 2025. JK Teknikal dipengerusikan oleh Penolong Naib Canselor SQM (atau wakil) untuk meneliti pencapaian secara terperinci sebelum dibentangkan dalam mesyuarat JK Pemandu UniMAP 2025 yang dipengerusikan oleh YBhg. Naib Canselor. JK Pemandu bersidang setiap suku tahun, sebanyak 4 kali setahun, untuk meneliti pencapaian dan membincangkan isu serta fasilitasi yang diperlukan untuk memastikan sasaran mampu dicapai. Semakan sasaran dibenarkan, berdasarkan perubahan persekitaran dan dinamika global.

Pegawai SQM yang bertanggungjawab: Puan Isma Irini Shafie



PENCAPAIAN KESELURUHAN TAHUN 2022



PENARAFAN SETARA

SETARA, satu inisiatif Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) di bawah KPT, merujuk kepada Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. Ia direka bentuk untuk membantu universiti memberi tumpuan kepada tiga teras utama institusi, dalam usaha ke arah kecemerlangan institusi. Hal ini dilaksanakan dengan merujuk kepada metrik penilaian dan pentaksiran yang relevan, yang justeru diberi tumpuan oleh UniMAP. SQM menyelaraskan data UniMAP untuk tujuan penilaian SETARA dalam fungsi teras pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan. UniMAP telah berjaya mendapat 5 BINTANG dalam SETARA 2018/2019.

Pegawai SQM yang bertanggungjawab: Puan Isma Iri Shafie/ Puan Nurul Asyikin Fadzil

OUTCOME BASED BUDGETING (OBB)

Outcome Based Budgeting (OBB) ialah sistem penilaian prestasi berasaskan hasil/pencapaian dengan mengadaptasi pendekatan berasaskan keberhasilan (outcome). Melalui pendekatan bersepadu ini, Jabatan perlu mempunyai hubungan sistematik antara perancangan pembangunan nasional dengan sistem kewangan (OBB) dan prestasi, serta pemantauan dan penilaian sebagai sokongan kepada pihak pengurusan. Dalam pendekatan OBB, penekanan diberikan kepada impak dan keberkesanan projek dan program berbanding mementingkan perbelanjaan dan output semata-mata. Melalui sistem OBB, perbelanjaan Kerajaan memberi penekanan kepada Value for Money serta program dan projek yang mempunyai kesan penggandaan tinggi. Pemantauan berterusan di bawah OBB dapat menyediakan maklumat bagi tujuan penilaian dan pelaporan keberhasilan.

KPI yang ditetapkan untuk tujuan OBB diintegrasikan pelaksanaan dan pemantauannya dengan UniMAP 2025, malahan dipantau melalui sistem ePIC. SQM bekerjasama rapat dengan Jabatan Bendahari UniMAP untuk pengemaskinian data OBB melalui sistem yang memerlukan input data mengikut KPI yang telah ditetapkan dengan kadar dan keperluan maklumat yang dikehendaki oleh pihak KPT. Semua data yang dihantar perlulah mendapatkan pengesahan daripada YBhg. Naib Canselor. Pengemaskinian data OBB ini bertujuan untuk memenuhi keberhasilan yang ditetapkan dalam Kerangka Keberhasilan Nasional (NRF).

Pegawai SQM yang bertanggungjawab: Puan Isma Irini Shafie

SISTEM PENINGKATAN KUALITI DATA KPM (MyMoheS)

SQM menyelaraskan data UniMAP untuk tujuan input kepada sistem MyMoheS, yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Sistem tersebut berfungsi sebagai repositori data bagi semua universiti awam (UA) bagi domain berikut:

- Staf
- Pelajar
- Penyelidikan, Perundingan dan Pengkomersialan (R&D&C)
- Maklumat institusi

MyMoheS merupakan satu sistem yang dibangunkan oleh KPT bagi menyokong, memudahkan penyaluran, pertukaran dan perkongsian Data atau maklumat antara KPT, Institusi pengajian tinggi, Jabatan Perkhidmatan Awam, Perbendaharaan dan lain-lain agensi kerajaan yang memerlukan keseragaman maklumat. Sistem ini sekaligus membantu universiti dan pihak kementerian dalam menyediakan perancangan, menggubal dasar dan membangunkan sistem pangajian tinggi dengan lebih berkesan. Memandangkan MyMoheS diandaikan sebagai pembekal data universiti yang utama, data yang dibekalkan perlu disahkan dan integriti data perlu dipelihara. SQM memastikan keperluan ini sentiasa dipenuhi. Proses kemasukan data dilaksanakan dengan kerjasama antara pemilik utama data berkaitan dan kumpulan pegawai teknologi maklumat daripada DMDC UniMAP. Mekanisme penarafan bintang digunakan oleh KPT dalam menilai data yang dibekalkan ke sistem MyMoheS, iaitu tertakluk kepada kriteria berikut:

- kualiti data, kesempurnaan data dan ketepatan masa. SQM komited dalam memastikan data dari UniMAP memenuhi semua kriteria yang ditetapkan. Pada tahun 2022, UniMAP telah berjaya mencatat kejayaan yang membanggakan dengan mendapat penarafan 5 BINTANG dalam Data MyMohes bagi keseluruhan.

Pegawai SQM yang bertanggungjawab: Puan Rozila Romali

KECEMERLANGAN GLOBAL UniMAP [SISTEM PENARAFAN & PEMERINGKATAN QUACQUARELLI SYMONDS (QS) DAN TIMES HIGHER EDUCATION (THE)]


Selain terlibat dengan sistem penilaian dalaman (peringkat universiti dan dalam negara) berkaitan kekuatan universiti seperti SETARA dan Malaysia Research Assessment (MyRA), UniMAP juga terlibat dengan penilaian daya saing universiti yang dilaksanakan oleh sistem penarafan dan pemeringkatan pada peringkat global. Sistem utama tersebut adalah QS & THE. Bagi QS, UniMAP terlibat dengan penilaian berikut:

- QS World University Rankings (WUR), QS Asia University Rankings dan QS Subject Rankings. Bagi THE pula, UniMAP dinilai dalam THE World University Rankings (WUR), THE Asia University Rankings, THE Subject Rankings, THE Emerging Economies University Rankings, THE Young University Rankings dan THE Impact Rankings.

Data yang perlu dihantar untuk tujuan penilaian disahkan dahulu oleh Naib Canselor UniMAP melalui Jawatankuasa Sistem Penarafan dan Pemingkatan Global (UGRC). UGRC bersidang empat (4) kali setahun dan dipengerusikan oleh Naib Canselor. JK ini ditubuhkan pada 19 Jun 2020 untuk tujuan semakan dan pengesahan data/ maklumat sebelum dihantar melalui sistem dalam talian yang berkaitan. Pencapaian UniMAP dalam agenda Kecemerlangan Global UniMAP sepanjang tahun 2022 dipaparkan seperti di bawah:



QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS 2023



THE WORLD UNIVERSITY RANKINGS 2023

Pegawai SQM yang bertanggungjawab: Pn. Rozila Romali dan Pn. Azimah Azaib

PENGURUSAN RISIKO

SQM bertindak sebagai urusetia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Universiti dan bertanggungjawab dalam membangunkan sistem pemantauan dan pelaporan risiko dalam kerangka pengurusan risiko Universiti, yang skopnya menjurus kepada pelaksanaan UniMAP 2025. Di samping itu juga, SQM memberi khidmat sokongan dalam pelaksanaan pengurusan risiko pada peringkat Pusat Tanggungjawab (PTj).

Proses ini dibantu oleh Pegawai Risiko disetiap PTj di UniMAP. Objektif pengurusan risiko adalah untuk:

1. Mengenal pasti dan mengurus risiko yang sedia ada dan risiko yang baharu secara terancang dengan kos dan gangguan yang minimum.
2. Membangunkan budaya kesedaran terhadap risiko dalam kalangan staf.
3. Meningkatkan tahap kepuasan serta kepercayaan pelanggan dan stakeholder terhadap UniMAP.
4. Mewujudkan suasana persekitaran yang selamat dan kondusif untuk Universiti bagi melaksanakan operasi seperti yang dirancang.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko:

- Jawatankuasa Pengurusan Risiko Universiti (Tier 4)
- Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kluster (Tier 3)
- Jawatankuasa Penyelarasan Pengurusan Risiko (Tier 2)
- Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko PTj (Tier 1)

Pegawai SQM yang bertanggungjawab: Pn. Rozila Romali



BAB 03

LAPORAN TAHUNAN 2022

BAHAGIAN KUALITI & AKREDITASI



PERUTUSAN KETUA BAHAGIAN KUALITI & AKREDITASI

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, segala puji-pujian bagi Allah Tuhan semesta alam, Saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya Laporan Tahunan Bahagian Kualiti dan Akreditasi, SQM 2022 berjaya diilhamkan, dibangunkan serta dipertingkatkan pengisiannya dari semasa ke semasa. Bahagian ini diamanahkan untuk menguruskan perkhidmatan berkaitan sistem pengurusan kualiti, pengauditan serta akreditasi program akademik yang ditawarkan di UniMAP.

Antara pencapaian terbesar bagi Bahagian Kualiti & Akreditasi adalah kejayaan UniMAP untuk memperluaskan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) di UniMAP melalui penambahan skop pensijilan MS ISO 9001:2015. Skop baharu ini meliputi perkhidmatan pengajian tinggi program ijazah sarjana muda, program pascasiswazah (mod penyelidikan), pengurusan penyelidikan dan perkhidmatan sokongan. Liputan baharu ini secara langsung dapat mempertingkatkan mutu kualiti perkhidmatan kepada pelanggan dan pihak berkepentingan UniMAP. Di samping itu, bahagian ini juga telah berjaya melaksanakan pengurusan proses akreditasi bagi program-program prasiswazah kejuruteraan dan teknologi kejuruteraan yang melibatkan badan profesional Lembaga Jurutera Malaysia. Pengiktirafan ini memperlihatkan bahawa kualiti program akademik UniMAP adalah selari dengan ketetapan oleh badan profesional serta keperluan industri. Melalui laporan ini, Bahagian Kualiti & Akreditasi berharap dapat memberi informasi lengkap berkenaan aktiviti-aktiviti serta perkhidmatan pengurusan kualiti dan akreditasi yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022 kepada warga UniMAP. InsyaAllah segala maklumat yang dikongsi dalam laporan ini ini diharap dapat meningkatkan jaringan hubungan antara pihak SQM dengan warga UniMAP. Segala kerjasama yang diberikan oleh fakulti, PTj serta warga UniMAP amatlah dihargai dan kami mengalu-alukan sebarang pandangan dan cadangan ke arah penambahbaikan perkhidmatan. Akhir kata, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang sudi membaca Laporan Tahunan Bahagian Kualiti & Akreditasi 2022, SQM.

Sekian, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

PROF. MADYA Ts. DR. AZWAN ISKANDAR AZMI
Ketua Bahagian Kualiti & Akreditasi



BAHAGIAN KUALITI & AKREDITASI

Bahagian Kualiti & Akreditasi, secara amnya, bertanggungjawab menjalankan dua fungsi utama. Pertama, bahagian ini memastikan perancangan, penilaian serta pengawasan jaminan kualiti berterusan dilaksanakan di semua peringkat pengurusan dan pentadbiran pengajaran dan pembelajaran universiti. Manakala fungsi yang kedua adalah secara umumnya, melibatkan pengurusan keperluan akreditasi serta perolehan pengiktirafan daripada badan kelayakan bagi semua program akademik yang ditawarkan di universiti.

SISTEM PENGURUSAN KUALITI UniMAP

Pengurusan kualiti UniMAP telah mengguna pakai Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001. Pada 16 Julai 2010, UniMAP telah berjaya memperoleh persijilan MS ISO 9001:2008 daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Skop persijilan UniMAP merangkumi pemberian perkhidmatan pendidikan tinggi program Ijazah Sarjana Muda (Kepujian). Bermula dengan MS ISO 9001:2008, UniMAP telah membuat peralihan kepada MS ISO 9001:2015 (Quality Management Systems) pada tahun 2016. MS ISO 9001:2015 memberi penekanan kepada prinsip pengurusan kualiti seperti berikut:

- Penumpuan kukuh terhadap kepuasan pelanggan
- Motivasi pengurusan tertinggi
- Penglibatan semua orang dalam organisasi
- Pendekatan proses
- Pembuatan keputusan berasaskan bukti
- Penambahbaikan berterusan.
- Pengurusan perhubungan

Penggunaan Sistem Pengurusan Kualiti ini membantu UniMAP memastikan perkara berikut:

- Pengurusan teras utama universiti yang lebih berkesan dalam memastikan keperluan pelanggan dan pemegang taruh dapat dipenuhi, justeru menghasilkan output yang lebih baik dari segi kualiti pelajar, bakat-bakat lain, perkhidmatan dan kepuasan pelanggan;
- Kecekapan dan produktiviti yang lebih tinggi, memandangkan prosedur teras universiti dilaksanakan berdasarkan proses dan prosedur jelas yang memberi penekanan kepada pengurangan pembaziran (masa, usaha, kos) dan penggunaan sumber secara optimum;
- Penambahbaikan berterusan, yang memerlukan UniMAP untuk sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik, melalui semakan proses dan maklum balas pelanggan; dan
- Peningkatan kedudukan UniMAP sebagai pembekal perkhidmatan pengajian tinggi yang mempunyai daya saing yang tinggi, justeru memberi keterlihatan pasaran yang baik dan kredibiliti kepada universiti.

Pegawai SQM yang bertanggungjawab: En. Muhammad Hidham Haris

PROSES AUDIT SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK) UniMAP

Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) UniMAP telah merancang untuk menjalankan proses audit berkala setiap tahun menerusi Audit Dalam SPK yang dilaksanakan pada bulan Oktober bagi Fasa 1 di Pusat Tanggungjawab. Manakala, pada bulan Disember setiap tahun, Audit Fasa 2 dijalankan di Fakulti. Akhir sekali, Audit Badan Pensijilan Luar oleh SIRIM QAS Sdn. Bhd. dilaksanakan pada bulan Julai setiap tahun untuk memantau pelaksanaan SPK di UniMAP.

Audit Dalam SPK Tahun 2022:

- Audit Dalam SPK ini telah dilaksanakan secara berfasa iaitu:
- Fasa 1 di Pusat Tanggungjawab pada 17 sehingga 31 Oktober 2022.
- Fasa 2 di Fakulti pada 1 sehingga 15 November 2022.
- Melibatkan 23 kumpulan audit dalaman yang terdiri daripada 39 orang Juruaudit Dalaman.
- Sebanyak 14 Pusat Tanggungjawab dan 6 Fakulti serta 1 Institut telah diaudit untuk menyemak keberkesanan SPK yang dilaksanakan berdasarkan prosedur kualiti dan piawaian MS ISO 9001:2015.

Audit Pemantauan MS ISO 9001:2015 oleh SIRIM QAS

- UniMAP telah melalui audit pensijilan semula MS ISO 9001:2015 yang melibatkan 3 orang juruaudit SIRIM QAS. Audit ini telah berlangsung selama tiga hari iaitu pada 11, 12 & 13 Mei 2022.
- Sesi audit pensijilan ini akan meliputi juga skop pensijilan yang baharu iaitu.

Perkhidmatan Pendidikan Tinggi Program Ijazah Sarjana Muda Dan Pasca Siswazah (Penyelidikan), Pengurusan Penyelidikan Dan Perkhidmatan Sokongan.

Pusat tanggungjawab yang terlibat adalah:

- Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektronik (FTKEN)
- Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia (FTKK)
- Fakulti Sains Gunaan dan Kemanusiaan (FSGM)
- Pusat Pengurusan Strategi dan Kualiti (SQM)
- Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)
- Jabatan Bendahari
- Jabatan Pendaftar
- Jabatan Pembangunan
- Jabatan Perpustakaan

Hasil daripada audit pensijilan tersebut, TIADA laporan ketidakpatuhan (NCR) yang dilaporkan dan hanya tiga (3) penemuan peluang penambahbaikan (OFI) yang dilaporkan. Sehubungan itu, SIRIM Q.A.S International Sdn Bhd. telah mengesyorkan UniMAP memperolehi pensijilan MS ISO 9001:2015.

KAJIAN TAHAP KEPUASAN STAF DAN INDEKS KESEJAHTERAAN MAHASISWA

Berdasarkan keperluan QMS MS ISO 9001:2015, di bawah klausa 9.1.2, UniMAP perlu mewujudkan mekanisme untuk mengukur kepuasan pelanggannya terhadap perkhidmatan dan produk yang ditawarkan. SQM melaksanakan Kajian Tahap Kepuasan Staf dan Indeks Kesejahteraan Mahasiswa untuk memenuhi keperluan ini, dan untuk memastikan universiti peka terhadap keperluan, kegusaran dan kepuasan staf serta mahasiswa. Dapatan kajian dibentangkan dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP), yang membincangkan isu yang timbul dan cadangan penyelesaian.

Pegawai SQM yang bertanggungjawab: En Muhammad Hidham Haris

SISTEM PENGURUSAN KUALITI eQDoc

Sistem eQDoc ialah sistem pengurusan dokumentasi ISO atas talian yang boleh diakses oleh semua staf UniMAP. Dibangunkan pada Disember 2009, eQDoc membantu mengurangkan beban dan kos yang terlibat dalam proses dokumentasi ISO, serta meningkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi berkaitan ISO di universiti. eQDoc juga digunakan semasa proses pelaporan audit dalaman SPK. Pelaporan audit dalaman SPK dilaksanakan sepenuhnya menggunakan sistem eQDoc bermula dengan pendaftaran laporan daripada juruaudit sehingga maklumbalas daripada auditi dan akhirnya verifikasi oleh juruaudit.

SISTEM PEMIKIRAN BERASASKAN RISIKO (eRBT)

UniMAP telah mengenalpasti satu kaedah penilaian risiko yang sesuai bagi memenuhi keperluan- keperluan berkanun, perundangan dan Piawaian MS ISO 9001:2015. Penetapan dasar dan objektif kualiti juga mengambil kira proses mengurangkan risiko-risiko ke tahap yang boleh diterima. Pendekatan pemantauan risiko yang digunakan oleh UniMAP ialah dengan menggunakan sistem secara keseluruhan yang dikenali sebagai e-RBT. Pemantauan tersebut dilaksanakan secara berkala 4 kali setahun untuk melihat keberkesanan tindakan mitigasi yang dinyatakan.

Pegawai SQM yang bertanggungjawab: En Muhammad Hidham Haris

PENGURUSAN AKREDITASI PROGRAM PENGAJIAN MELALUI MQA

Program-program pengajian yang ditawarkan oleh UniMAP pada peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana serta PhD adalah tertakluk kepada perakuan akreditasi di bawah Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). MQA merupakan badan tertinggi yang bertanggungjawab dalam memantau dan mengawal amalan jaminan kualiti dan akreditasi program pengajian yang ditawarkan oleh universiti. Peranan ini dilaksanakan berdasarkan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) yang menjadi titik rujukan untuk kriteria dan piawaian kelayakan program. Walaubagaimanapun, bagi program akademik yang memerlukan pengiktirafan dari badan professional seperti Lembaga Jurutera Malaysia, program-program ini akan dinilai pengiktirafan oleh badan profesional tersebut sebelum disahkan oleh MQA.

Penilaian jaminan kualiti dan akreditasi yang dikendalikan oleh UniMAP adalah berpandukan kepada:

- Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF)
- Kod Amalan Akreditasi Program (Code of Practice for Programme Accreditation, COPPA 2nd Edition);
- Standard Disiplin Program seperti Standard EAC 2020, Standard ETAC 2020 dan Manual MBOT 2019
- Garis Panduan Amalan Baik (GGP)

Terdapat 7 bidang yang dinilai dalam penilaian akreditasi program peringkat MQA iaitu:

- Pembangunan dan penyampaian program
- Penilaian pembelajaran pelajar
- Pemilihan dan khidmat sokongan pelajar
- Staf akademik
- Sumber pendidikan
- Pengurusan program
- Pemantauan, semakan program dan penambahbaikan kualiti berterusan

Tiga tahap Akreditasi program dilaksanakan di UniMAP iaitu akreditasi sementara, akreditasi penuh dan akreditasi pematuhan. Tujuan pelaksanaan Akreditasi Sementara adalah untuk memastikan bahawa keperluan minimum dipenuhi untuk menjalankan program pengajian. Manakala, Akreditasi Penuh pula dijalankan untuk mengesahkan bahawa penyampaian program telah memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh COPPA, dan mematuhi MQF. Akreditasi Penuh biasanya dijalankan apabila kohort pertama pelajar berada pada tahun akhir. Penilaian Akreditasi pematuhan adalah untuk memantau dan memastikan penyelenggaraan dan penambahbaikan program yang telah diakreditasi. Penilaian Akreditasi pematuhan, yang terpakai kepada semua program bertauliah, mesti dijalankan sekurang-kurangnya sekali dalam lima tahun.

Penilaian Akreditasi memberikan nilai yang signifikan kepada program dan kelayakan. Keyakinan orang ramai serta pemegang taruh berkenaan program akademik yang ditawarkan oleh UniMAP juga dapat dipertingkatkan serta boleh menjadi asas pengiktirafan di peringkat nasional dan antarabangsa. Laporan Akreditasi boleh digunakan sebagai kaedah penanda aras dan untuk menyemak semula standard dan amalan kualiti. Penanda aras memberi tumpuan kepada kaedah menambah baik proses pendidikan dengan menggunakan amalan terbaik diterima pakai oleh institusi di seluruh dunia.

Pegawai SQM yang bertanggungjawab: En Rhafizuan Rusli

DAFTAR KELAYAKAN MALAYSIA (MQR)

Proses akhir dalam pengurusan akreditasi program pengajian yang diiktiraf oleh MQA adalah membuat pendaftaran di Daftar Kelayakan Malaysia (MQR). MQR mengandungi maklumat mengenai program, pembekal, tahap dan tempoh sah atau tarikh pemberhentian status akreditasi bagi kelayakan program akademik. Tujuan MQR adalah untuk menyediakan pelajar, ibu bapa, majikan, agensi pembiayaan dan pihak berkepentingan lain yang berkaitan, baik domestik dan antarabangsa, dengan maklumat yang diperlukan tentang kelayakan bertauliah program-program akademik UniMAP. Menurut MQA, MQR adalah titik rujukan kebangsaan untuk kelayakan di Malaysia dan adalah juga dirujuk dalam portal pendidikan tinggi UNESCO.

Pautan MQR bagi program-program akademik UniMAP adalah seperti di bawah:
<https://www2.mqa.gov.my/mqr/iptaKPListAA.cfm?IDAkriPTS=256>

Pegawai SQM yang bertanggungjawab: En Rhafizuan Rusli

PENILAIAN AKREDITASI MAJLIS AKREDITASI KEJURUTERAAN (EAC) DAN MAJLIS AKREDITASI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN (ETAC) DI BAWAH LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA (BEM)

Kelayakan program-program Sarjana Muda Kejuruteraan dan Teknologi Kejuruteraan yang ditawarkan oleh UniMAP diberikan melalui penilaian akreditasi oleh Majlis Akreditasi Kejuruteraan/ Engineering Accreditation Council (EAC) dan Majlis Akreditasi Teknologi Kejuruteraan/ Engineering Technology Accreditation Council (ETAC). Penilaian ini bertujuan mendapatkan pengiktirafan daripada Lembaga Jurutera Malaysia/ Board of Engineers Malaysia (BEM) untuk melayakkan para siswazah kejuruteraan dan teknologi kejuruteraan mendaftar sebagai Jurutera Siswazah (Graduate Engineer) serta Jurutera Teknologis Siswazah (Graduate Engineering Technologist). Perkara ini termaktub dalam standard kriteria serta kualiti berterusan yang ditetapkan oleh EAC dan ETAC selaras dengan keperluan semasa berdasarkan Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Pindaan 2015).

Penilaian Akreditasi mengikut Standard EAC dan Standard ETAC 2020 menggunakan 7 kriteria iaitu:

- Programme Educational Objectives (PEO)
- Programme Outcomes
- Academic Curriculum
- Students
- Staff
- Facilities
- Quality Management Systems (QMS)

Antara program yang terlibat dengan lawatan dan penilaian akreditasi oleh EAC pada tahun 2022 adalah:

- Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer dengan Kepujian (EAC)
- Sarjana Muda Kejuruteraan Biosistem dengan Kepujian (EAC)

Manakala program yang terlibat dengan lawatan dan penilaian akreditasi oleh ETAC pada tahun 2022 termasuklah:

- Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Pembinaan) dengan Kepujian (ETAC)
- Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia (Proses Kimia Industri) dengan Kepujian (ETAC)
- Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri) dengan Kepujian (ETAC)
- Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Teknologi Robotik dan Automasi) dengan Kepujian (ETAC)
- Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Reka bentuk Rangkaian Elektronik) dengan Kepujian (ETAC)
- Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Reka bentuk Telekomunikasi Elektronik) dengan Kepujian (ETAC)
- Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Sistem Elektronik) dengan Kepujian (ETAC)
- Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Pemesinan) dengan Kepujian (ETAC)
- Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Sistem Pertanian) dengan Kepujian (ETAC)
- Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Reka bentuk Produk) dengan Kepujian (ETAC)


Pegawai SQM yang bertanggungjawab: En Rhafizuan Rusli

PENGURUSAN MAKLUMAT JURUTERA PROFESIONAL (Ir.)

